

Aziz letak jawatan Naib Ketua Pemuda

BH 7 DEC 2000
KOALA LUMPUR, Rabu — Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, menyerahkan surat peletakan jawatan itu kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Aziz dikatakan berbuat demikian Jumaat lalu kerana kecewa dengan tekanan yang dihadapi Pemuda Umno selepas Barisan Nasional (BN) tewas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, minggu lalu.

Sumber-sumber berkata, pelbagai pihak dalam parti dikatakan menyalahkan Pemuda Umno kerana kononnya gagal berfungsi sewajarnya pada pilihan raya kecil berkenaan.

Berita Harian difahamkan, Abdul Aziz yang juga Pengarah Urusan Gold Bridge Bhd, dijangka menemui Dr Mahathir mengenai keputusan itu dalam satu atau dua hari lagi.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein ketika diminta

LIHAT MUKA 5

Aziz tidak hadir sidang Pemuda

DARI MUKA 1

mengulas mengenai perkara itu berkata, Abdul Aziz tidak mungkin mengambil keputusan sedemikian.

"Kalau ada sebab pun, dalam politik kita jangan mudah lemah semangat kerana perjuangan kita adalah untuk agama, bangsa dan negara.

"Usaha bersungguh-sungguh pun belum tentu dapat menjamin kejayaan dan sehubungan itu kita

tidak boleh terjemahkan kekecewaan dengan tindakan drastik," katanya.

Bagaimanapun, Hishammuddin menyatakan Abdul Aziz tidak akan menghadiri mesyuarat Pemuda esok dan beliau berharap tidak ada pihak yang menyalah tafsirnya.

Hishammuddin berkata, Pemuda akan membincangkan program pergerakan itu dan kekalahan

calon BN serta membaiki kelemahan yang wujud.

"Setiap kelemahan boleh diatasi dan jawatan yang disandang ini adalah amanah yang perlu dipikul bersama.

"Kita akan membincangkan teguran dan kritikan yang dibuat terhadap Pemuda untuk mengatasi semua kelemahan yang dikatakan wujud selama ini," katanya.